



**SUKATAN PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) 2008
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

JAWATAN : PENJAGA JENTERA ELEKTRIK
GRED : R 17
TK : 2

1. TUJUAN PENILAIAN

Untuk menguji pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap tugas serta tanggungjawab anggota pada tahap TK2 sebagai salah satu syarat anjakan gaji dan pertimbangan kenaikan pangkat gred yang lebih tinggi.

2. PEGAWAI YANG LAYAK MENJALANI PTK

- Anggota R17 (Penjaga Jentera Elektrik) yang telah disahkan dalam perkhidmatan.
- Anggota yang berada di peringkat P2.

3. DESKRIPSI TUGAS PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17

Berperanan dan bertanggungjawab untuk membuat kerja senggaraan sistem elektrik, pensuisan, memastikan tatacara keselamatan dipatuhi semasa menjalankan kerja-kerja senggaraan termasuk menganalisa dan menjalankan pengujian pada pemasangan elektrik serta menyediakan laporan.

4. PROFAIL TUGAS PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17

Anggota mesti mempunyai pengetahuan dan kefahaman dalam bidang kerja penyelenggaraan elektrik peringkat tertinggi yang merangkumi:

- i) Menyenggara pemasangan elektrik dan papan suis utama voltan rendah.
- ii) Membuat kerja-kerja pengujian pemasangan elektrik voltan rendah.
- iii) Mengesan dan membaiki kerosakan elektrik voltan rendah.
- iv) Mengendalikan kerja-kerja pensuisan dan pematuhan kepada prosidur kerja.
- v) Menyenggara sistem perlindungan elektrik voltan rendah.
- vi) Menyenggara janakuasa tunggu sedia dan papan kawalan
- vii) Membuat pemasangan dan penyambungan kabel bawah tanah dan talian atas
- viii) Menyenggara sistem pemula motor
- ix) Menyediakan laporan kerosakan dan ujian.
- x) Menyenggara pembetul angkadar kuasa (*capacitor bank*).

5. KOMPETENSI KHUSUS

Penjaga Jentera Elektrik, Gred R17 mesti mempunyai kefahaman dan boleh mengaplikasikan :

- i) Peraturan-peraturan Elektrik 1994 dan Akta Bekalan Elektrik (Akta 447).

- ii) penyenggaraan pemasangan elektrik dan papan suis utama voltan rendah.
- iii) kerja-kerja pengujian pemasangan elektrik voltan rendah.
- iv) tatacara mengesan dan membaiki kerosakan elektrik voltan rendah.
- v) kerja-kerja pensuisan dan pematuhan kepada prosidur kerja.
- vi) pengendalian dan penyelenggaraan sistem perlindungan elektrik voltan rendah.
- vii) tatacara penyediaan laporan kerosakan dan ujian.
- xi) arahan dan pekeliling JKR.
- viii) gambarajah pendawaian skematik dan susunatur pemasangan.
- ix) pengendalian peralatan/perkakasan elektrik terkini.

6. ASPEK-ASPEK DAN KAEDAH PENILAIAN

ASPEK YANG DINILAI	KAEDAH PENILAIAN
<p>6.1 Pengetahuan (Markah 30%)</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Maklumat Organisasi <ul style="list-style-type: none"> • Struktur Organisasi Kementerian dan Agensi • Fungsi Kementerian dan Agensi • Bidang Kuasa Menteri dan Pegawai Pengawal ii) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 <ul style="list-style-type: none"> • Kelakuan yang bercanggah dengan peraturan • Pemilikan dan perisytiharan harta iii) Kemudahan-Kemudahan Pegawai Awam <ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan Elaun (Bab B) • Cuti (Bab C) • Perubatan (Bab F) • Kerja Lebih Masa (Bab G) iv) Keutuhan Peribadi <ul style="list-style-type: none"> • Ciri-ciri sikap, nilai dan etika kerja positif dalam perkhidmatan • Rukun Negara v) Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (PKPA-Bil.7/91) • Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja (PKPA-Bil.8/91) vi) Asas-asas Kewangan <ul style="list-style-type: none"> • Prinsip Utama Pengurusan Kewangan • Pengurusan Aset dan Inventori • Pengurusan Perbelanjaan vii) Pengurusan Pihak Berkuasa dan Kategori Jalan <ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan mengenai sistem nombor Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri • Kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan 	<p>Ujian Lisan</p>

<p>6.2 Kemahiran (Markah 50%)</p> <p>i) Prosedur Keselamatan Elektrik</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengetahui dan memahami Peraturan-peraturan Elektrik 1994 & Akta Bekalan Elektrik (Akta 447) dan pengamalan prosedur keselamatan ditempat kerja <p>ii) Sistem Pemasangan Elektrik dan Papan Suis Utama Voltan Rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan memuat kerja-kerja pendawaian dan pemasangan peralatan dipapan suis voltan rendah. <p>iii) Kawalan Pemula Motor</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan membuat pendawaian kawalan pemula motor yang asas. <p>iv) Pengujian Pemasangan Elektrik Voltan Rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan membuat kerja-kerja pengujian pemasangan elektrik voltan rendah dan tahu menggunakan alatuji. <p>v) Mengenalpasti dan membaiki kerosakan elektrik pada pemasangan voltan rendah.</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan mengenalpasti dan membaiki kerosakan elektrik yang berlaku pada pemasangan elektrik. <p>vi) Sistem Kabel Bawah Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan mengendali pemasangan dan penyambungan sistem kabel bawah tanah. <p>vii) Menyediakan Laporan Kerosakan dan Ujian</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan menyedia laporan kerosakan bertulis dan laporan ujian yang dilaksanakan. <p>viii) Mengendalikan dan Menyelenggara Sistem Perlindungan Elektrik Voltan Rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan dalam menentukan kadaran saiz dan jenis perlindungan elektrik untuk satu-satu sistem pendawaian dengan menyediakan alat-alat perlindungan seperti RCCB, MCB dan ELR. <p>ix) Mengendali Alatuji dan Membuat Pengujian di Pemasangan Elektrik Voltan Rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkebolehan mengendali alatuji dan membuat pengujian di pemasangan elektrik voltan rendah. <p>x) Gambarajah Pendawaian Skema</p> <ul style="list-style-type: none"> Memahami gambarajah pendawaian skema. 	<p>Ujian Amali</p>
--	---------------------------

7. SOALAN / TUGASAN

Bagi jawatan Penjaga Jentera Elektrik R17 soalan yang dinilai ialah :

- i) Bahagian Umum dinilai melalui Ujian Lisan.
- ii) Bahagian Khusus dinilai melalui Ujian Amali.

8. MASA

- i) Bahagian umum mengambil masa selama 15 - 30 minit.
- ii) Bahagian Khusus mengambil masa antara 2 hingga 4 jam.

9. TAHAP KESUKARAN SOALAN

Tahap kesukaran soalan diambil kira dari sudut :

- Kefahaman
- Aplikasi

10. RUJUKAN

Calon tidak dibenarkan merujuk dengan mana-mana bahan rujukan semasa penilaian.

11. PENGECUALIAN

Calon-calon yang telah lulus mana-mana bahagian dikecualikan dari menduduki peperiksaan bahagian berkenaan.

12. KEPUTUSAN

Keputusan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) mempunyai 4 tahap iaitu :

- Aras IV - Calon Lulus dan melepasi tahap kompetensi pada aras kecemerlangan
- Aras III - Calon Lulus dan melepasi tahap kompetensi
- Aras II - Calon Lulus bersyarat
- Aras I - Calon Tidak melepasi tahap kompetensi

13. PEMERIKSA DILANTIK OLEH:

Pengerusi Panel Penilaian PTK Kumpulan Sokongan II Kementerian Kerja Raya Malaysia.

14. BAHASA (SOALAN DAN JAWAPAN):

Bahasa Melayu.

15. PERMOHONAN DIKEMUKAKAN KEPADA:

Urusetia PTK Sokongan II Kementerian Kerja Raya Malaysia.

16. PUSAT PEMERIKSAAN AKAN DITETAPKAN OLEH:

Urusetia PTK Sokongan II Kementerian Kerja Raya Malaysia.

17. KEKERAPAN PEPERIKSAAN:

Dua Kali Setahun.

18. TARIKH AKHIR MENGEMUKAKAN PERMOHONAN:

Sebulan sebelum penilaian dilakukan.

19. BAHAN RUJUKAN:**a) Kompetensi Umum****i) Bahan Rujukan Wajib**

- Panduan Mengenai Bidang Kuasa Menteri & Pegawai Pengawal Kementerian Kerja Raya 2008 (ISBN 978-983-43395-5-5)
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]
- Perintah Am (Bab B,C, F dan G)
- Tonggak 12
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA)
 - Bil. 7/91 – Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
 - Bil. 8/91 – Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja
- Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara (ISBN 978-983-9244-01-4)
- Inventori Rangkaian Jalan Utama Persekutuan Semenanjung Malaysia (ISBN 978-983-44278-2-5)
- Risalah "Tahukah Anda Nombor Jalan Persekutuan dan Negeri?" terbitan Bahagian Kawalselia Penyelenggaraan, KKR

ii) Bahan Rujukan Opsyenal

- Inventori Bangunan Gunasama Persekutuan (ISBN 978-983-99552-4-8)
- Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam

b) Kompetensi khusus

- i) Akta Bekalan Elektrik 1990 (akta 447)
- ii) Peraturan-peraturan Elektrik 1994
- iii) Peraturan IEE Edisi ke-16
- iv) Spesifikasi JKR (Elektrik)
- v) Akta Keselamatan dan kesihatan Pekerja (JKKP)